

MENGURANGKAN RISIKO SOSIAL & POLITIK PEMBINAAN JALAN RAYA

1. Mengkaji semula Penilaian Alam Sekitar (EIAs) supaya efektif bagi projek jalan raya

- ♦ Kemusnahan alam sekitar, protes sosial dan tindakan undang-undang adalah antara risiko daripada EIAs yang tidak efektif
- ♦ Projek pembinaan jalan raya yang melimpasi batas politik memerlukan lebih banyak penilian EIAs
- ♦ Kebanyakkan EIA hanya memberi focus kepada kesan langsung, mengendahkan kesan tidak langsung atau kesan kumulatif dari projek
- ♦ Kebanyakkan penilaian EIA tempatan tidak sesuai bagi spesis hidupan liar yang hidup di kawasan luas dan bagi spesis yang jarang ditemui
- ♦ Kebanyakkan penilaian EIA jalan raya meletakkan beban pembuktian ke atas pembantuan pembinaan jalan raya, yang tidak mempunyai maklumat mencukupi tentang spesis hidupan dan ekosistem
- ♦ EIAs yang lemah meningkatkan risiko kewangan untuk penyokong pembinaan jalan raya dan para pelabur




2. Hadkan pembinaan jalan raya di kawasan hutan bagi megurangkan risiko social yang serius

- ♦ Jalan raya di kawasan perhutanan akan meningkatkan penebangan hutan haram, perlombongan, pemburuan, penyeludupan dan pembuatan dadah
- ♦ Pembinaan jalan raya melalui amalan yang menyalahi undang-undang boleh merompak pendapatan penting kerajaan serta meningatkan kos polisi
- ♦ Pembinaan jalan raya boleh mengakibatkan gangguan sosial melalui imigrasi orang luar, penduduk tempatan akan terpaksa berpindah serta kebiasaan penduduk tempatan menharapkan ganjaran kewangan tinggi
- ♦ Kemasukan pekerja asing untuk tujuan pembinaan jalan raya akan meningkatkan kadar pelacuran, perebakan wabak dan perniagaan pasaran gelap
- ♦ Penduduk yang tinggal di kawasan berhampiran dengan jalan raya mempunyai risiko yang lebih tinggi menjangkiti penyakit seperti malaria, denggi dan HIV/AIDS
- ♦ Kemalangan jalan raya meragut banyak nyawa, serta 1-3% daripada pengeluaran kasar dalam negara
- ♦ Pembinaan jalan raya meningkatkan pencerobohan spesis eksotik, contoh seperti semut api berbisa yang bergerak 60 kali lebih cepat di jalan raya berbanding dalam hutan

3. Sederhanakan pembinaan jalan raya di kawasan orang asli bagi melindungi mereka

- ♦ Penyakit yang disebarluaskan sepanjang jalan raya boleh membahayakan petempatan penduduk asli yang terpencil
- ♦ Roads in tribal areas may attract outside colonists who may illegally invade land, bringing diseases, alcohol abuse, prostitution, and social conflict
- ♦ Jalan raya di kawasan petempatan penduduk asli boleh menggalakkan penjajah luar untuk menjajah secara haram, penyebaran penyakit, penyalahgunaan alkohol, pelacuran dan konflik social
- ♦ Perubahan social yang ketara akibat pembinaan jalan raya baru akan mengancam budaya tempatan
- ♦ Pemburuan sepanjang jalan raya boleh menggalakkan pemburu tradisi untuk meneroka lebih luas dan menggunakan senjata moden seperti senapang
- ♦ Dengan memperkenalkan ekonomi berdasarkan wang, pembinaan jalan raya boleh memaksa penduduk asli menjadi pemburu komersial



**RISIKO SOSIAL DAN POLITIK YANG BESAR DATANG DARI PEMBINAAN
JALAN RAYA DI KAWASAN PETEMPATAN PENDUDUK ASLI**